

Gesa Jabatan Audit siasat KUIS

Shah Alam: Jabatan Audit Negara atau badan bertauliah bebas perlu membuat siasatan menyeluruh dan membentangkan laporan penuh masalah kewangan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Pengerusi Majlis Belia Dادره Petaling, Badrul Hisham Badruddin (**gambar**), berkata isu kewangan KUIS perlu diatasi segera kerana ia mencemar nama baik institusi pengajian agama di negara ini.

"Isu ini jika tidak ditangani dengan baik, juga boleh mencemarkan imej Sultan Selangor kerana baginda ketua agama di negeri ini serta memayungi Majlis Agama Islam

Selangor (MAIS) yang memiliki KUIS," katanya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Gagasan Anti Penyelewengan Selangor (GAPS), Hamidzun Khairuddin, yang merayu Sultan Sharafuddin Shah campur tangan selepas 200 pensyarah dan kakitangan KUIS diarahkan meletak jawatan kerana menghantar memorandum kepada rektor kolej berkenaan.

Mahu Sultan Selangor campur tangan

Badrul berkata, sudah tiba masa Sultan Selangor sendiri mencemar duli dan mengetahui apa yang sebenarnya

berlaku selepas Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim yang juga Pengerusi KUIS dilihat bersikap acuh tidak acuh menangani masalah itu.

Kena tindakan tatatertib

Sementara itu, sumber KUIS memaklumkan, 200 pensyarah dan kakitangan KUIS itu diberi kata dua, sama ada berhenti secara berhemah atau menerima tindakan tatatertib sedangkan ada di antara mereka sudah berkhidmat lebih 10 tahun di institusi yang menjadi lambang kegembilangan pendidikan Islam di Selangor itu.

"Hasrat murni kami disalah



tafsir sehingga ada yang diarahkan berhenti selepas mendatangani memorandum berkenaan. Antara kandungan memorandum itu adalah cadangan menambahbaik sistem pengurusan serta bertanya mengenai tunggakan elauan dan masalah kenaikan gaji," katanya.